

04/09/2002

Negara lebih membangun jika semua bayar cukai

KUALA LUMPUR, Selasa - Rakyat akan dapat menikmati pembangunan yang lebih banyak jika semua yang layak dikenakan cukai, membayar cukai mereka, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, kerajaan menggunakan cukai yang dikutip dengan bijak bagi membiayai perbelanjaan negara.

"Rakyat boleh berbangga dengan prasarana yang wujud di Malaysia yang dibiayai hasil pungutan cukai.

"Cukai langsung dan tidak langsung yang dipungut oleh mana-mana kerajaan, sama ada negara membangun atau sedang membangun, adalah sumber pendapatan utama negara. Tanpa pungutan cukai yang baik adalah sukar bagi sesebuah negara untuk membiayai pembangunannya.

"Malaysia sebagai sebuah negara yang sedang membangun tidak terkecuali," katanya ketika merasmikan Persidangan Cukai Nasional ke-2 di Palace of the Golden Horses, Seri Kembangan di sini hari ini.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata, 78.3 peratus Belanjawan Negara 2002 berpunca daripada cukai dan daripada jumlah itu, sumbangan cukai langsung adalah 37.2 peratus.

Katanya, berdasarkan perangkaan itu, kedudukan Malaysia adalah lebih kukuh berbanding negara membangun lain dari segi sumber perbelanjaan Kerajaan Pusat untuk pembangunan negara.

Beliau berkata, bagi 2001, 18 peratus daripada jumlah penduduk negara adalah pembayar cukai yang berdaftar tetapi persoalan yang timbul ialah sama ada semua yang layak membayar cukai menunaikan tanggungjawab itu.

"Bagi tahun 2001, cukai langsung yang dipungut Lembaga Hasil dalam Negeri (LHDN) berjumlah RM41.79 bilion iaitu peningkatan 43.29 peratus berbanding tahun 2000. Kutipan cukai berjumlah RM41.79 bilion adalah yang tertinggi dalam sejarah lembaga itu.

"Penyumbang utama terhadap jumlah ini adalah kumpulan syarikat yang menyumbang 51.64 peratus manakala cukai yang dipungut daripada orang perseorangan cuma 20.09 peratus," katanya.

Sumbangan komponen cukai lain ialah 23.59 peratus daripada cukai pendapatan petroleum, 3.94 peratus (duti setem), 0.54 peratus (cukai keuntungan harta tanah), 0.16 peratus (cukai pendapatan koperasi), 0.03 peratus (cukai aktiviti perniagaan luar pesisir Labuan) dan 0.01 peratus cukai lain.

Beliau berkata, berdasarkan perangkaan itu, kedudukan pematuhan boleh diperbaiki dan usaha berterusan sedang diambil bagi meningkatkan pematuhan cukai.

Katanya, Sistem Taksir Sendiri (STS) yang diperkenalkan kerajaan adalah ke arah pematuhan cukai secara sukarela.